

## **HARI MINGGU BIASA KE-19 (A)**

1 Raja-raja 19:9. 11-13; Mazmur 84(85):9-14. R/ v. 8; Roma 9:1-5.  
Matius 14:22-33

### **Tema: TUHAN MEMBAWA DAMAI, SHALOM, PENYELAMATAN**

1. Hari ini adalah Hari Minggu Biasa ke-19 dalam Tahun Liturgi A. Bacaan-bacaan hari ini memberitahu kita bahawa Tuhan itu membawa damai, shalom dan penyelamatan! Injil hari ini memberitahu kita bahawa para murid-murid-Nya sedang berada di dalam perahu bergelutan dengan angin ribut dan laut yang bergelora. Lebih penting, Injil memberitahu kita bahawa Yesus berjalan di atas air menuju kepada mereka! Yesus adalah Putera Allah! Lebih penting lagi, Injil memberitahu kita bahawa Petrus berjalan menuju kepada Yesus, tetapi apabila dia merasai angin kencang, dia mulai hilang iman dan mulai tenggelam, tetapi Yesus selamatkannya! Dan apabila mereka masuk ke dalam perahu angin pun reda! Di situ terdapat damai, shalom, penyelamatan!

Hari ini Gereja sedang bergolakan dari dalaman dan luaran. Dari dalam, Gereja dikacau oleh dosa skandal para pemimpinnya, teologisnya mengajar pengajaran yang bertentangan dengan Paus, umatnya tidak mahu mematuhi ajaran Gereja, terutama mengenai aborsi dan kontrasepsi, dan kebanyakannya umatnya tidak lagi datang ke Misa hari minggu. Mereka tidak lagi percaya kepada Gereja dan kepada Allah! Dari luar, Gereja digangu oleh duniawi, oleh sekularisme, oleh hukum kerajaan yang tidak adil, oleh ekstremis agama lain, oleh penganiayaan, dll.

Dalam semuanya ini, Tuhan datang membawa damai, shalom, penyelamatan! Kita harus bertobat dan kita harus dibaharui agar dapat mengalami damai, shalom, penyelamatan Tuhan! Ada banyak pergerakan pembaharuan di Paroki kita, cnth, Pembaharuan Karismatik Katolik, Seminar Hidup Baru dalam Roh, Komuniti Eklesial Dasar (KED), Komuniti Neo-Catechumenate, Kumpulan Perkongsian Alkitab, Kursus Alfa, dll., tetapi yang penting, kita harus datang Misa Kudus setiap hari Minggu! Selepas Pembaptisan, kita dibaharui pada setiap hari minggu oleh Ekaristi!

2. Bacaan pertama menuruti tema Injil! Bacaan pertama memberitahu kita bahawa selepas Elia memusnahkan rumah berhala nabi-nabi Baal, Permaisuri Jezebel mahu membunuh dia. Bacaan pertama memberitahu kita bahawa Elia pergi ke gunung Horeb, iaitu, Gunung Sinai, di mana Tuhan menunjukkan diri kepada Musa. Tuhan menunjukkan diri kepada Elia di Gunung Horeb! Seperti di Gunung Sinai, berlaku angin kencang, gempa bumi, dan ada api; tetapi Tuhan tidak berada di dalam angin kencang, di dalam gempa bumi dan dalam api! Kemudian ada angin sepoi-sepoi. Tuhan ada di dalam angin sepoi-sepoi basa! Seperti dalam Injil hari ini, angin sepoi-sepoi basa melambangkan damai, shalom, penyelamatan Tuhan!

Sekali lagi, Gereja sungguh terganggu dari luar oleh dunia, oleh sekularisme, oleh kemodenan, oleh kerajaan-kerajan yang membuat undang-undang secara diskriminasi, oleh ekstreminasi agama lain, oleh penganiayaan, dll. Sekali lagi, dalam masa-masa kekacauan ini, Tuhan membawa damai, shalom, penyelamatan! Sekali lagi, Gereja harus bertobat dan dibaharui agar dapat mengalami damai, shalom, penyelamatan Tuhan!

3. Mazmur antarbacaan menuruti tema bacaan pertama. Mazmur antarbacaan memberitahu kita bahawa Tuhan membawa damai, shalom, penyelamatan, melalui keadilan dan belas kasihan-Nya! Tuhan adalah kedua-duanya adil dan belas kasihan! Seperti Santo Paus Yohanes Paulus II berkata tentang konflik di Timur Tengah, “Tidak akan ada kedamaian tanpa keadilan, dan tidak akan ada keadilan tanpa pengampunan”! Dengan itu kita menyahut dan berdoa tiga kali:

**“Tunjukkanlah belas kasih-Mu, ya Tuhan, dan berilah kami keselamatan-Mu.”! (Mzm 85:8; SM)**

Mazmur antarbacaan sendirinya (85:9-14) adalah perkatan ramalan dewa kepada penyelamatan! (NJBC) Perhatikan perkataan “keadilan, belas kasihan dan damai”! Justru itu kita baca:

**“Aku mendengar apa yang difirmankan Tuhan Allah. Dia menjanjikan kesejahteraan..”** (Mzm 84(85):9; SM) **“Kasih dan kesetiaan akan bertemu; keadilan dan kesejahteraan akan berdampingan. Kesetiaan manusia akan naik dari bumi, dan keadilan Allah akan menjenguk dari surga.”** (Mzm 84(85):11-12; SM) **“Keadilan akan mendahului Tuhan, dan menyediakan jalan untuk-Nya.”** (Mzm 84(85):14; Sunday Missal (SM))

Perhatikan bahawa ‘keadilan’ dalam Kitab adalah ‘keadilan yang menyelamatkan’! Dengan itu ayat 11b dalam Kitab Jurusalem Baru dibaca:

**“Keadilan dan damai sejahtera akan berpelukan”!** (Mzm 84(85):10)

4. Bacaan kedua tidak menuruti tema Hari Minggu, tetapi bacaan kedua mempunyai sesuatu yang penting untuk diberitahu kepada kita! Bacaan kedua memberitahu kita tentang “kasih Santo Paulus kepada Israel”! (CSB)

Dalam bacaan kedua, Santo Paulus mengatakan sesuatu yang begitu mengejutkan, tetapi ia menunjukkan kasihnya terhadap Israel! Dia mengatakan dia sanggup dihukum, terputus dari Yesus Kristus dan dihantar ke neraka, jika ia dapat membantu orang-orang Israel diselamatkan dan pergi ke surga! Sesungguhnya, dalam Roma Bab 11, Paulus percaya bahawa pada akhir zaman nanti, biarpun orang-orang Yahudi yang telah menyalib-Nya akan diselamatkan!

Kita harus mempunyai cinta kasih yang sama untuk dunia! Kita harus bersedia untuk berkata bersama Paulus bahawa jika kita harus dihukum dan diputuskan dari Yesus Kristus dan pergi ke neraka, demi untuk menyelamatkan dunia, biarkan ia berlaku! Kita harus mewartakan Kabar Gembira supaya dunia akan percaya dan diselamatkan!

5. Hari ini kita bersyukur kepada Allah Bapa kerana Putera-Nya Yesus Kristus yang membawa damai, shalom, penyelamatan! Dan kita mohon kepada Allah Bapa untuk bantuan-Nya membantu kita bertobat dan dibaharui supaya kita dapat mengalami damai, shalom, penyelamatan Tuhan! Kita juga harus berterima kasih kepada Allah atas Santo Paulus dan kita mohon Allah untuk membantu kita mengasihi sama seperti Paulus mengasihi Israel, supaya kita dapat mewartakan Kabar Gembira dan supaya mereka yang percaya dan akan diselamatkan! Amin!

**Cadangan soalan-soalan untuk renungan individu, untuk perkongsian dalam keluarga, untuk kumpulan-kumpulan kecil dan untuk komuniti-komuniti kecil:**

1. Apakah Gereja kita sedang bergolakan di dalam dan di luar? Apakah masalahnya? Siapakah yang menyelamatkan kita dalam masalah yang serupa ini dan memberi kita damai, shalom, penyelamatan? Bagaimanakah kita dapat merasai pengalaman damai, shalom, penyelamatan ini?

2. Apakah kamu sudah dibaharui? Bagaimana kamu dibaharui? Adakah kamu menghadiri Misa Kudus pada setiap hari Minggu? Adakah kamu menghadiri Seminar Hidup Baru dalam Roh, Kursus Alfa, KED, Komuniti Neo-Catechumenal, Kumpulan Perkongsian Alkitab, dll.?

**Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia,**

**Rujukan: New Jerome Biblical Commentary (NJBC); Catholic Study Bible (CSB).**